



KAJIAN SURAH LUQMAN AYAT 25 MENURUT PEMIKIRAN ABU MANSUR AL-MATURIDI DALAM KITAB *TAKWILAT AHL AL-SUNNAH*

[A STUDY OF SURAH LUQMAN VERSE 25 ACCORDING TO THE THOUGHT OF ABU MANSUR AL-MATURIDI IN THE BOOK *TAKWILAT AHL AL-SUNNAH*]

MARIAM NABILAH MOHD NOOR,^{1*} TASNIM ABDUL RAHMAN¹
MOHAMED FATHY MOHAMED ABDELGELIL² & LUTPI MUSTAFA³

- 1 Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.
E-mail: maryamnabila@unisza.edu.my; tasnimabdrahman@unisza.edu.my; lutpi@gmail.com
- 2 Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Simpang 347, Jalan Pasar Gadong, Bandar Seri Begawan, Brunei.
Email: mohamed.fathy@unissa.edu.bn

Correspondent Email: maryamnabila@unisza.edu.my

Received: 13 May 2025

Accepted: 1 June 2025

Published: 30 June 2025

Abstrak: Kajian ini membincangkan tentang ayat 25 Surah Luqman menurut tafsiran Abu Mansur al-Maturidi dalam kitab tafsirnya *Takwilat Ahl al-Sunnah*. Ayat ini menjelaskan tentang pertanyaan yang diajukan kepada orang-orang musyrikin Mekah tentang kuasa yang mencipta langit dan bumi dan mereka mengiktiraf bahawa Allah yang mencipta kedua-duanya. Kajian ini menjadikan ayat 25 Surah Luqman sebagai asas penyelidikan. Kaedah kajian ini merupakan analisis kandungan (*content analysis*) dengan menggunakan metode kualitatif yang terarah kepada rujukan perpustakaan. Objektif kajian ini ialah mengkaji tentang tafsiran ayat ini menurut pemikiran Abu Mansur al-Maturidi. Analisis kajian ini menggunakan metode induktif dan deduktif bagi menghasilkan sebuah kajian yang baik. Dapatan dalam kajian ini pula merumuskan bahawa Abu Mansur al-Maturidi bersetuju bahawa orang-orang musyrikin menerima *Tauhid Rububiyyah* iaitu mengiktiraf Maha Kuasa Allah yang mencipta langit dan bumi, tetapi mereka menolak *Tauhid Uluhiyyah*, iaitu Maha Esa Allah. Dengan demikian, kajian-kajian yang lebih terperinci mengenai perkara ini sebagai perlu agar konsep *al-Rububiyyah* dan *al-Uluhiyyah* dapat difahami dengan baik dan sempurna.

Kata kunci: Surah Luqman ayat 25, *Tauhid Rububiyyah* dan *Uluhiyyah*.

Abstract: This study discusses verse 25 of Surah Luqman according to the interpretation of Abu Mansur al-Maturidi in his tafsir work, *Takwilat Ahl al-Sunnah*. The verse explains a question posed to the polytheists of Mecca regarding the power that created the heavens and the earth, to which they acknowledge that Allah is the Creator of both. This study uses verse 25 of Surah Luqman as the basis of investigation. The research methodology is content analysis using a qualitative approach directed through library references. The objective of this study is to examine the interpretation of this verse through the lens of Abu Mansur al-Maturidi's thought. The analysis employs both inductive and deductive methods to produce a well-rounded study. The findings conclude that Abu Mansur al-Maturidi agrees that the polytheists accepted Tawhid al-Rububiyyah, i.e., acknowledging Allah's supreme power as the Creator of the heavens and the earth, but rejected Tawhid al-Uluhiyyah, i.e., Allah's absolute

oneness in worship. Therefore, more detailed studies on this matter are necessary to ensure that the concepts of al-Rububiyyah and al-Uluhiyyah are properly and thoroughly understood.

Keywords: Surah Luqman verse 25, Tawhid al-Rububiyyah, Tawhid al-Uluhiyyah.



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:

Mariam Nabilah Mohd Noor, Tasnim Abdul Rahman, Mohamed Fathy Mohamed Abdelgelil & Lutpi Mustafa. 2025. Kajian Surah Luqman Ayat 25 Menurut Pemikiran Abu Mansur al-Maturidi dalam Kitab Takwilat Ahl al-Sunnah [A Study of Surah Luqman Verse 25 According to the Thought of Abu Mansur al-Maturidi in The Book Takwilat Ahl al-Sunnah]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*. 5(1), 13-31.

PENGENALAN

Abu Mansur al-Maturidi merupakan seorang tokoh Ahl al-Sunnah dan beliau merupakan salah seorang pengasas mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah bersama Abu Musa al-Asya'ari. Menurut Engku Ahmad Zaki (2007), beliau memetik pandangan Muhammad Salim al-Saffarini yang menyatakan, apabila disebut Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah maka perkara ini perlu merujuk kepada al-Ash'ariyyah yang dipimpin oleh Abu al-Hasan al-Asya'ari dan al-Maturidiyyah yang dipimpin oleh Abu Mansur al-Maturidi. Konsep pemikiran yang diaplikasikan oleh golongan Ahl al-Sunnah dalam metode Ilmu Kalam adalah menggunakan pendekatan nas dan rasional, iaitu Naql dan Ra'yu (Nasution: 1986). Merujuk kepada Abu Hasan al-Asya'ari (324/935), pemikiran beliau berkembang di Basrah, Iraq dan manakala pemikiran Abu Mansur Maturidi (333/944) berkembang di Samarqand (Gustave Edmund: 1970). Kedua-dua aliran ini menentang Fahaman Mu'tazilah dan mereka menggunakan pendekatan Naql dan Ra'yu untuk mematahkan hujah-hujah yang dibawa oleh golongan Mu'tazilah.

Menjelaskan corak pemikiran al-Maturidi, kebanyakan pandangan beliau dipengaruhi oleh pemikiran Abu Hanifah yang menggunakan metode rasional terutama dalam perkara akidah dan keimanan (Fathul Mufid: 2013). Merujuk dalam kajian Aditya Andria (2012), al-Maturidi adalah seorang ahli fiqh bermazhab Hanafi dan beliau mempelajari Fiqh Hanafi dengan dua orang tokoh ulama besar dalam mazhab tersebut, iaitu Muhammad bin Muqatil al-Razi (248H) dan Nushayr bin Yahya al-Balkhi (228H). Beliau dikatakan mempunyai hubungan nasab dengan seorang sahabat Nabi s.a.w. yang bernama Abu Ayub al-Anshari. Abu Mansur al-Maturidi tinggal di Kota Samarkand yang merupakan salah satu kawasan peradaban yang menjadi pusat perkembangan intelektual di samping kegiatan keagamaan, sama ada muslim atau non muslim. Menurut Udi Mufrodi (2007), kehidupan al-Maturidi sangat teguh dengan pegangan agama dan pada ketika itu perkembangan ilmu pengetahuan sangat hebat seperti kesusasteraan dan falsafah sehingga wilayah tempat tinggal beliau menjadi pusat perkembangan ilmu dan kebudayaan. Beliau meninggal pada tahun 944H di Kota Samarqand pada zaman pemerintahan Khalifah al-Mutawakil, sekitar tahun 232-247H/ 847-861M (Fathul Mufid: 2013).

Perlu dinyatakan, kajian ini bertujuan untuk menjelaskan konsep pemikiran, pandangan dan tafsiran al-Maturidi mengenai ayat 25 Surah al-Luqman yang terkait dengan persoalan yang diajukan kepada orang-orang musyrikin Mekah mengenai konsep ketuhanan Maha Kuasa yang

mencipta langit dan bumi. Dalam ayat ini, orang-orang musyrikin percaya bahawa Allah Maha Kuasa yang mencipta langit dan bumi, tetapi mereka tidak percaya bahawa Allah Maha Esa yang wajib diabdikan. Dalam kalangan tokoh-tokoh *mufassirin* ada yang menyatakan, bahawa mereka menggunakan istilah ‘mentauhidkan Allah’ sebagai merujuk kepercayaan orang-orang musyrikin terhadap Allah Yang Maha Kuasa mencipta langit dan bumi. Pandangan al-Maturidi adalah senada dengan mereka dan beliau juga menggunakan istilah tersebut sebagai merujuk kepada penerimaan orang-orang musyrikin terhadap ketuhanan Allah Yang Maha Kuasa.

RIWAYAT ABU MANSUR AL-MATURIDI

Menurut Abd al-Qadir Nasr Allah (1993), nama lengkap al-Maturidi ialah Abu Mansur Muhammad bin Muhammad bin Mahmud al-Maturidi al-Anshari al-Samarqandi, beliau dilahirkan di Matrid sebuah perkampungan kecil di Daerah Samarkand yang berada di Uzbekistan. Tidak dapat dipastikan dengan tepat tarikh dan tahun kelahiran beliau, namun kebanyakan para ulama sepakat bahawa beliau wafat sekitar tahun 333H dan disemadikan di Samarkand. Perkataan al-Maturidi dinisbahkan dari Matrid, iaitu kampung halaman beliau yang merupakan salah sebuah perkampungan di Daerah Samarqand. Beliau juga dinisbahkan dengan nama al-Anshari kerana nasab beliau dikatakan berasal dari keturunan salah seorang sahabat Nabi s.a.w. bernama Abu Ayyub Khalid bin Zayd bin Kulayb al-Anshari (al-Zabidi: 1989).

Tarikh kelahirannya tidak dapat dipastikan dengan tepat, tetapi kemungkinan beliau dilahirkan di sekitar pertengahan abad ke 3H/9M. Menurut William Montgomery Watt (1977), beliau berpendapat al-Maturidi kemungkinan dilahirkan sekitar tahun 256H/ 870M atau tahun 238H/ 852M berdasarkan perkiraan tahun gurunya meninggal iaitu Muhammad bin Muqatil al-Razi pada 248H/ 862M, di mana ketika itu beliau berusia 10 tahun (Ayyub: 1995). Beliau dikatakan berumur 95 tahun dan meninggal pada tahun 333H/ 944M di Kota Samarqand (Abu Zuhrah: T.th) pada zaman pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah, di bawah pemerintahan Khalifah al-Mutawakkil (232-247H/ 847-861M).

Beliau merupakan salah seorang pengikut Abu Hanifah dengan mempelajari fiqh dan Ilmu Kalam dalam Mazhab Hanafi di Samarqand yang berkembang pesat di kawasan-kawasan sebelah Timur. Di antara guru-guru beliau ialah Muhammad bin Muqatil al-Razi, Abu Bakr Ahmad bin Ishaq al-Juzjani, Abu Nasr Ahmad bin al-Abbas al-‘Iyadi dan Nusayr bin Yahya al-Balkhi (al-Bayadi: 1949).

KITAB TAKWILAT AHL AL-SUNNAH

Menurut Dr. Mujdi Basallum yang mentahqiqkan kitab *Ta’wilat Ahl al-Sunnah*, beliau menyatakan bahawa kitab ini termasuk dalam kitab tafsir komparatif yang menggabungkan metode *Tafsir bi al-Ma’thur* dan *Tafsir bi al-Ra’yi* dalam corak pentafsiran. Abu Mansur al-Maturidi tidak hanya menggunakan akal dan logik dalam menafsir dan menyingkap makna-makna yang terdapat dalam ayat-ayat al-Qur’an, namun beliau juga merujuk kepada nas-nas al-Qur’an, hadith-hadith dan riwayat-riwayat yang terkait dengan perbahasan dalam pentafsiran beliau (al-Maturidi: 2005).

Pada *muqaddimah* kitab itu, al-Maturidi telah membezakan makna takwil dan tafsir, beliau mendefinisikan takwil sebagai sesuatu yang diambil daripada para fuqaha dan manakala

tafsir pula ialah apa yang dinukilkan daripada para sahabat Nabi s.a.w. Terdapat beberapa perkara yang membezakan di antara kitab tafsir *Ta'wilat Ahl al-Sunnah* ini dengan karya-karya tafsir klasik yang lain, di antaranya kitab tafsir beliau menggabungkan nilai-nilai *al-Ma'thur* dan *al-Ra'yi* dalam metode pentafsiran, manakala kitab-kitab tafsir klasik lain secara umumnya menyandarkan pentafsiran sepenuhnya kepada riwayat sehingga sebahagian besar tafsir klasik memang bercorak *Tafsir bi al-Ma'thur* (al-Maturidi:2005).

Dalam kajian Aisyah et al (2016), beliau menyatakan bahawa al-Maturidi mendefinisikan tafsir sebagai sesuatu yang pasti dan benar-benar dimaksudkan oleh Allah. Pandangan beliau sebagai seiring dengan pandangan al-Zarkasyi dan al-Zurqani yang meletakkan tafsir pada kedudukan utama berbanding takwil yang berdasarkan disiplin Ulum al-Qur'an. Begitu juga dengan pandangan al-Alusi yang menyatakan tafsir adalah lebih terarah kepada *Riwayah* dan manakala takwil pula terarah kepada *Dirayah*. Berbicara mengenai takwil, al-Maturidi menjelaskan sebagai hasil ijtihad seorang mujtahid tanpa menyatakan persaksian bahawa ianya adalah daripada Allah Ta'ala.

Tidak seperti kebanyakan kitab-kitab tafsir lain yang hanya terfokus kepada sesuatu bidang, namun kitab *Ta'wilat Ahl al-Sunnah* ini bersifat komprehensif yang mencakupi pelbagai bidang kajian. Dalam menjelaskan sesuatu ayat, al-Maturidi juga berusaha menampilkan pelbagai aspek yang terkandung dalam ayat tersebut seperti kajian mengenai bahasa, akidah, hukum-hakam, qira'at dan lain-lain (al-Maturidi:2005).

Menurut Syekh Abdul Qadir al-Qurasyi al-Hanafi (2008), kitab ini merupakan sebuah tafsir yang terhasil melalui pemikiran al-Maturidi dengan penyerapan makna-makna sesuai dan seimbang menurut fahaman Ahl al-Sunnah yang ambil daripada ayat-ayat al-Qur'an dan disertai dengan kajian yang mendalam, terutama dalam aspek akidah, fiqh dan lain-lain, beliau menjelaskan:

وَهُوَ كِتَابٌ لَا يَوَازِيهِ فِيهِ كِتَابٌ بَلْ لَا يَدَانِيهِ شَيْءٌ مِنْ تَصَانِيفٍ مِنْ سَبْقِهِ فِي ذَلِكَ الْقَنْ

“Kitab ini merupakan kitab yang tiada tandingan dengan kitab lain, juga tidak dapat dibandingkan dengan karya-karya terdahulu dalam bidang ini.”

Menurut Aisyah Dollah et al (2015) dalam kajiannya berjudul *Trends of Study on Ta'wilat Ahl al-Sunnah by Abu Mansur al-Maturidi* mendapati bahawa kitab Takwilat Ahl al-Sunnah al-Maturidi ini sebagai sahih di mana manuskripnya terdapat di perpustakaan di Istanbul Turki, Dar al-Kutub di Kaherah Mesir, Dar al-Kutub al-Zahiriyyah di Damsyiq Syria, di Muzium of London England dan di Berlin Germany, beliau menjelaskan:

“The exegesis of Ta'wilat of Ahl al-Sunnah by Muhammad bin Muhammad bin Mahmud Abu Mansur al-Maturidi was a masterpiece in the field of interpretation and his manuscript was found in various places such as the library in Istanbul, (Turkey), Dar al-Kutub al-Misriyyah in Cairo (Egypt), Dar al-Kutub al-Zahiriyyah in Damascus (Syria), Muzium of London (England), and Berlin (Germany). Although there were few studies on the interpretation of the past by several researchers, but the work is still very rare to the people in

Archipelago region. Even in the reference list on the knowledge of the Qur'an, almost never mentioned the name of al-Maturidi as an interpreter of the Qur'an."

Menurut Nayla Masyruha (2018) beliau merumuskan bahawa kitab *Takwilat Ahl al-Sunnah* merupakan kitab tafsir karya Abu Mansur al-Maturidi yang terdiri dari sepuluh jilid dengan memuatkan dari Surah al-Fatihah hingga Surah al-Nas. Dominasi penulisan kitab ini lebih terarah kepada tafsir teologi yang menjelaskan ayat-ayat dari sudut akidah atau Ilmu Kalam. Epistemologi tafsir membahaskan tiga elemen utama, iaitu sumber pentafsiran, metode pentafsiran dan validiti pentafsiran. Menjelaskan perkara ini, sumber pentafsiran yang digunakan dalam penulisan kitab ini berasaskan Tafsir bi al-Ra'yi dan beliau memetik nas-nas al-Qur'an, hadith-hadith Nabi, pandangan para sahabat, tabi'in, tokoh-tokoh *mufasssir* dan ahli takwil, ahli kalam, ulama-ulama fiqh, ahli falsafah, qira'at dan termasuk sya'ir. Manakala metode pentafsiran kitab ini bersorak al-Tahlili, iaitu menjelaskan kandungan ayat-ayat al-Qur'an dari pelbagai aspek dan maksud sesuai dengan tartib susunan al-Qur'an. Terarah kepada langkah-langkah tafsiran al-Qur'an, al-Maturidi menafsirkan ayat dengan ayat, ayat dengan hadith, ayat dengan perkataan sahabat, ayat dengan pandangan tabi'in, menjelaskan asbab al-Nuzul, ayat menurut pendapat ulama, ayat dengan analisis bahasa, ayat dengan pelbagai qira'at, ayat dengan sya'ir dan kemudian mentakwilkan makna ayat.

Sebagaimana yang dijelaskan oleh Ibn Qutlubugha (1962), di antara hasil-hasil karya al-Maturidi ialah *Kitab Takwilat Ahl al-Sunnah* (tafsir), *Kitab Ma'khdh al-Syari'ah* (Usul al-Fiqh), *Kitab al-Jadal* (Tafsir dan Kalam Ahl al-Sunnah), *Kitab al-Usul* (Usul al-Din), *Kitab al-Maqalat*, *Kitab al-Tauhid*, *Kitab Bayan Wahm al-Mu'tazilah*, *Kitab Radd Awa'il al-Adillah li al-Ka'bi*, *Kitab Radd Tahdhib al-Jadal li al-Ka'bi*, *Kitab Radd Wa'id al-Fussaq li al-Ka'bi*, *Kitab Radd al-Usul al-Khamsah li Abi Muhammad al-Bahili*, *Kitab Radd Kitab al-Imamah li ba'd al-Rawafid* dan *Kitab al-Radd 'Ala al-Usul al-Qaramitah*. Namun, hasil-hasil karya beliau yang masih selamat ialah *Kitab Takwilat Ahl al-Sunnah*, *Kitab al-Tawhid* dan beberapa buah risalah mengenai akidah dalam bentuk manuskrip seperti *Risalah fi al-'Aqa'id*, *Syarh al-Ibanah wa al-'Aqidah al-Maturidiyyah* dan *Syarh al-Fiqh al-Akbar*. Akan tetapi, para pengkritik menganggap bahawa kedua-dua kitab ini bukan dari karya al-Maturidi (al-Maturidi: 2005). Menurut al-Zabidi (1989) dan Abu al-Khayr (1963), al-Maturidi digelar sebagai 'Ilm al-Huda, Imam al-Huda dan Imam al-Mutakallimin yang merupakan penghormatan kepada beliau terhadap keilmuannya dalam bidang ilmu Kalam dan sumbangannya dalam mempertahankan fahaman Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. *Kitab Takwilat Ahl al-Sunnah* ini adalah salah satu sumbangan beliau untuk menyebarkan fahaman Ahl al-Sunnah yang berpandukan kepada al-Qur'an dan al-Sunnah s.a.w.

PENCERAHAN SURAH LUQMAN AYAT 25

Menurut Abu al-Barakat al-Nasafi (1998), Surah Luqman termasuk dalam Surah al-Makiyyah, iaitu surah-surah diturunkan di Mekah atau sebelum hijrah yang mengandungi 33 atau 34 ayat, manakala Khatib Syaribini (T.th) menjelaskan, Surah Luqman merupakan Surah Makiyyah, kecuali ayat ﴿وَلَوْ أَن مَّا فِي الْأَرْضِ مِنْ شَجَرَةٍ أَقْلَامٌ﴾ dan surah ini mengandungi 33 atau 34 ayat, 548 dan 2110. Abu Ishaq Ahmad al-Tha'labi (2002) pula menjelaskan, Surah Luqman adalah terdiri

dalam kalangan Surah al-Makiyyah yang mengandung 2110 huruf, 548 kalimat dan 34 ayat. Di antara fadilat surah ini telah dijelaskan dalam sebuah hadits, sebagaimana yang diriwayatkan daripada Ubay bin Ka'ab r.a. bahwa Rasulullah s.a.w. bersabda:

من قرأ سورة لقمان كان له لقمان رفيقاً في يوم القيامة وأُعطي من الحسنات عشرًا بقدر من عمل المعروف وعمل بالمنكر

Maksudnya: “Sesiapa membacakan Surah Luqman, maka Luqman akan menjadi temannya pada hari kiamat dan dia akan diberikan sepuluh amal kebajikan sesuai dengan jumlah amal baik dan buruk yang dilakukannya.” (Riwayat al-Hakim).

Selain daripada Surah Luqman, ayat 25 ini, di antara ayat-ayat lain yang senada dengan ayat ini ialah ayat 61 Surah Ankabut, ayat 38 Surah Zumar dan ayat 9 Surah al-Zukhruf. Ayat-ayat tersebut menjelaskan perkara yang sama dengan ayat 25 Surah Luqman, iaitu tentang persoalan yang diajukan kepada kaum musyrikin Mekah mengenai siapakah yang menjadikan langit dan bumi lalu mereka menjawab Allah yang menjadikan.

Penjelasan Ayat

Menurut Imam Jalaluddin al-Sayuti dan Jalaluddin al-Mahalli (T.th), huruf lam pada kalimat (لَئِنْ) dalam ayat 25 Surah Luqman menunjukkan makna *qasam* (sumpah) dan ayat ini mengandung *uslub istifham*, sebagaimana firman Allah Ta'ala:

وَلَئِنْ سَأَلْتَهُمْ مَنْ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ لَيَقُولُنَّ اللَّهُ قُلِ الْحَمْدُ لِلَّهِ بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ

Maksudnya: “Dan sesungguhnya sekiranya kamu (Muhammad) bertanya kepada mereka (yang musyrik): Siapakah yang menciptakan langit dan bumi? Sudah tentu mereka menjawab: Allah, maka ucaplah alhamdulillah, namun kebanyakan mereka tidak mengetahui.” (Luqman: 25)

Para ulama dan ilmuwan Islam dalam kalangan *mufasssirin* bersetuju bahawa ayat ini membicarakan tentang sikap dalam kalangan kaum musyrikin Mekah. Apabila dikemukakan soalan tentang kuasa yang mencipta langit dan bumi, mereka menerima tanpa ragu-ragu dan mengakui bahawa Allah yang mencipta langit dan bumi. Lalu Allah mengarahkan RasulNya s.a.w. agar bersyukur dan memujiNya dengan sebab penerimaan kaum musyrikin yang mengakui kekuasaan Allah yang mencipta langit dan bumi. Namun, kebanyakan mereka tidak mengetahui dan tidak menyedari kesesatan mereka dalam menyekutukan Allah. Dengan demikian, pengakuan mereka bahawa Allah sebagai pencipta langit dan bumi menunjukkan mereka mengenal Allah, tetapi mereka menyembah Tuhan yang lain selain dari Allah, sebab itu mereka dikenal sebagai kaum musyrikin. Menurut Imam Fakhruddin al-Razi (1420H), ayat 25 dalam Surah Luqman ini menjelaskan bahawa orang-orang musyrikin mengakui bahawa Allah adalah pencipta langit dan bumi dan pengakuan ini secara tidak langsung membenarkan keesaanNya dan ianya menunjukkan kebohongan mereka pada kemusyrikan. Imam Jalaluddin

al-Sayuti dan Jalaluddin al-Mahalli (T.th) menjelaskan, pengiktirafan kaum musyrikin terhadap ketuhanan Allah Yang Maha Kuasa mencipta langit dan bumi menunjukkan kemenangan hujah tauhid ke atas mereka sebagai (ظهور الحجة عليهم بالتوحيد), iaitu pengiktirafan kaum musyrikin untuk mentauhidkan Allah dari sudut Maha Kuasa Allah yang tiada syirik bagiNya.

Perspektif Mufasssirin Mengenai Surah Luqman Ayat 25

Dalam kalangan mufasssirin, mereka mempunyai sikap dan pandangan tersendiri untuk menjelaskan tafsiran ayat ini. Menurut Syeikh Muhammad Mutawalli al-Sya'rawi (T.th), orang-orang kafir musyrikin bersaksi bahawa Tuhan Maha Esa yang mencipta langit dan bumi, tetapi perkara ini merupakan keaiban bagi mereka kerana meninggalkan pengibadatan kepada Tuhan Maha Esa itu, sebaliknya menyembah Tuhan yang tidak menciptakan. tidak melihat dan tidak mendengar. Menurut As'ad Mahmud Haumid (2009), orang-orang musyrikin mengakui bahawa Allah yang mencipta langit dan bumi, namun kebanyakan mereka tidak mengetahui. Manakala Muhammad Ali al-Sabuni (1992) menjelaskan, beliau menggunakan istilah iktiraf (الاعتراف), di mana orang-orang musyrikin Mekah mengiktiraf ketuhanan Allah yang mencipta langit dan bumi tanpa ragu-ragu. Terarah kepada pandangan Ibn 'Ajibah (2005), orang-orang musyrikin menerima konsep ketuhanan Allah sebagai Tuhan Maha Pencipta yang mencipta langit dan bumi kerana dibuktikan dengan dalil dan keterangan yang jelas. Mereka mengakui bahawa berhala-berhala yang mereka sembah tidak mampu untuk mencipta apa-apa, namun mereka tidak mengetahui sepatutnya mereka mengabdikan diri dan beribadah kepada Allah. Menjelaskan pandangan Syeikh Tantawi (1992), pertanyaan yang diajukan kepada orang musyrikin Mekah merupakan pertanyaan yang sihat dan tidak sejalan dengan kekafiran atau kesesatan mereka. Dengan pertanyaan tersebut, mereka mengakui kekuasaan Allah yang mencipta langit dan bumi menurut sistem yang menakjubkan. Sebaliknya, sebahagian besar dari kalangan mereka tidak mengetahui fakta-fakta dengan pengetahuan yang sihat, mereka hanya mengucapkan dengan lidah dan perkara ini sangat bertentangan dengan perbuatan mereka. Ahmad Mustafa al-Maraghi (1946) dalam tafsirannya menjelaskan, bahawa ayat ini membuktikan keagungan Allah Yang Maha Esa dengan mencipta langit tanpa tiang dan melimpahkan nikmatNya, orang-orang musyrikin mengakui perkara ini tanpa mengingkarinya. Menurut Ibn 'Adl al-Hanbali (1998), orang-orang musyrikin mengakui bahawa Allah mencipta langit dan bumi, tetapi mereka tetap tidak beriman kerana tidak mempunyai pengetahuan.

Menjelaskan pandangan Ibn 'Athiyyah (1422H), beliau menggunakan terma *Ilah* (إله) dan tidak menggunakan terma *Rabb* (رب) kerana terma *Ilah* (إله) merujuk kepada Tuhan Maha Esa yang diabdikan, manakala terma *Rabb* (رب) adalah merujuk kepada Tuhan Maha Kuasa yang mencipta sekalian alam, beliau menjelaskan:

ثم أقام عليهم الحجة في أمر الأصنام بأنهم يقولون بأن الله تعالى خالق المخلوقات ويدعون مع ذلك إلها غيره

“Kemudian beliau mengajukan hujah terhadap mereka dalam masalah berhala bahawa mereka mengakui Allah Ta'ala Maha Pencipta sekalian makhluk, namun mereka menyebut Ilah (Tuhan) selain Dia.”

Menjelaskan perkataan Ilah (إله), Fayruz Abadi (2005) memaksudkan sebagai *ma'luh*, iaitu sesuatu yang dijadikan pengabdian, Ibn Faris (1979) menyatakan huruf *alif*, *lam* dan *ha'* bermaksud *ta'abbud*, iaitu pengabdian, Abu Nasr Isma'il bin Hammad al-Jauhari (1987) merumuskan perkataan Ilah (إله) bermaksud *maf'ul* atau *ma'luh* atau *ma'bud*, iaitu yang diabdikan, manakala Sa'di Abu Jayb (1988) meletakkan maksud perkataan *Ilah* (إله) sebagai setiap yang diambil untuk diibadatkan.

Manakala perkataan *Rabb* (رب) pula, maksud perkataan ini ialah mengurus atau mengatur (Ibn Qutaybah al-Daynuri: 1978), Abu al-Qasim al-Asfahani (1412H) menjelaskan perkataan *Rabb* (رب) secara *harfi* bererti mengurus, Ibn Faris (1979) menjelaskan *Rabb* (رب) sebagai *Malik* (مالك) atau *Khaliq* (خالق) atau *Sahib* (صاحب), manakala Ibn Manzur (T.th) pula menjelaskan perkataan *Rabb* (رب) sebagai nama sifat Tuhan yang Maha Kuasa segala sesuatu.

Daripada penjelasan ini menunjukkan, bahawa terma *Ilah* (إله) merujuk kepada ketuhanan Allah Maha Esa yang diibadatkan. Di antara *wazan* yang dibina melalui terma ini ialah *Uluhiyyah* (الوهيّة). Manakala terma *Rabb* (رب) pula merujuk kepada ketuhanan Allah Maha Kuasa yang mencipta dan mentadbir seluruh alam ini dan di antara *wazan* yang dibina melalui terma ini ialah *Rububiyyah* (ربوبيّة). Ibn Jarir al-Tabari (1988) seorang tokoh *mufasssir* yang hidup pada tahun 224-310H/839-923M seringkali menyentuh Tauhid *Rububiyyah* dan *Uluhiyyah* dalam huraian tafsirnya. Ketika menafsirkan firman Allah dalam Surah Ali 'Imran, ayat 1-2, beliau menafsirkan ayat (لا إله إلا هو) sebagai berkata:

أَنَّ الْأَلُوْهِيَّةَ خَاصَّةٌ بِهِ دُونَ مَا سِوَاهُ مِنَ الْأَلِهَةِ وَالْأَنْدَادِ وَأَنَّ الْعِبَادَةَ لَا تُصْلَحُ وَلَا تَجُوزُ إِلَّا لَهُ لِإِنْفِرَادِهِ بِالرُّبُوبِيَّةِ وَتَوْجُّدِهِ بِالْأَلُوْهِيَّةِ

“Bahawa konsep Uluhiyyah hanya kepada Allah semata-mata dan tidak kepada ketuhanan atau seumpamanya, bahawa ibadat yang dilakukan tidak akan sempurna dan tidak diharuskan melainkan hanya untuk mengesakan Allah dengan Rububiyyah dan mentauhidkanNya dengan Uluhiyyah.”

Syeikh Muhammad Rasyid Redha (1947) telah memperkenalkan Tauhid Rububiyyah, *Tauhid Uluhiyyah* dan *Tauhid Asma wa Sifat* dalam *Tafsir al-Manar*. Beliau menyusun konsep tauhid tersebut mengikut kuliah yang disampaikan oleh gurunya Syeikh Muhammad Abduh (1849-1905M) di Universiti al-Azhar, Mesir. Merujuk kepada *Tauhid Rububiyyah*, beliau menafsirkan sebagai Tauhid Kekuasaan, manakala *Tauhid Uluhiyyah* pula terarah kepada Allah Ta'ala itu sendiri, iaitu Tuhan Maha Esa.

Dengan demikian, apa yang dinyatakan oleh Ibn 'Athiyyah dalam ayat ini menjelaskan, bahawa konsep ketuhanan menurut terma *Ilah* (إله) yang didakwa oleh orang-orang musyrikin bermaksud Tuhan yang disembah selain Allah, iaitu patung berhala. Beliau tidak menggunakan terma *Rabb* (رب) kerana perkataan ini merujuk kepada Tuhan Maha Kuasa.

Abu al-Hasan Maqatil bin Sulayman (2003) ketika beliau menafsirkan ayat 25 Surah Luqman ini menggunakan istilah 'tauhid' dan beliau menyatakan:

بتوحيد الله عز وجل ثم عظم نفسه عز وجل

“Dengan bertauhid kepada Tuhan Yang Maha Esa lalu mengagungkan diriNya Yang Maha Esa.”

Tafsiran beliau menjelaskan, bahawa orang-orang musyrikin sepatutnya ‘bertauhid’ kepada Tuhan Azza wa Jalla dan mengagungkan diriNya, bukan hanya melafazkan melalui mulut atau hanya mengiktiraf ketuhanan Allah, tetapi mereka juga tetap tidak beriman dan tidak percaya kepadaNya.

Merujuk kepada pandangan al-Syaukani (1414H), beliau juga menggunakan istilah ‘tauhid’ yang terarah kepada pengiktirafan terhadap ketuhanan Allah Yang Maha Kuasa yang mencipta langit dan bumi:

أَيُّ يَعْتَرِفُونَ بِاللَّهِ خَالِقِ ذَلِكَ لَوْضُوحِ الْأَمْرِ فِيهِ عِنْدَهُمْ وَهَذَا اعْتِرَافٌ مِنْهُمْ مِمَّا يَدُلُّ عَلَى التَّوْحِيدِ وَبُطْلَانِ الشِّرْكِ

“Iaitu mereka mengakui Allah sebagai Maha Pencipta segala sesuatu kerana segala urusan bagi mereka, pengakuan mereka ini menunjukkan tauhid dan membatalkan unsur-unsur syirik.”

Pandangan al-Syaukani ini memperkuat kenyataan Abu al-Hasan Maqatil bin Sulayman yang mengakui bahawa orang-orang musyrikin bertauhid kepada Allah dari sudut ketuhanan Allah Maha Kuasa dan mereka tidak mengakui konsep ketuhanan Allah yang Maha Esa. Dalam erti kata yang lain, mereka tetap tidak beriman kepada Allah sekalipun mereka bertauhid bahawa Allah yang mencipta langit dan bumi.

Di antara tokoh-tokoh dan ilmuwan tafsir lain yang menggunakan istilah ‘tauhid’ dalam menafsirkan ayat 25 Surah Luqman ini ialah Syeikh Muhammad Jamaluddin bin Muhammad Sa’id al-Qasimi (1418H), beliau menyatakan:

أَيُّ عَلَى أَنْ جَعَلَ دَلَالَاتِ التَّوْحِيدِ بَحِيْثٌ لَا يَكَادُ يَنْكُرُهَا الْمَكَابِرُونَ أَيْضًا بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ أَيُّ شَيْئًا مَا فَلَذَلِكَ لَا يَعْمَلُونَ بِمَقْتَضَى اعْتِرَافِهِمْ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ أَيُّ فَلَا يَسْتَحِقُّ الْعِبَادَةَ فِيهِمَا غَيْرَهُ إِنَّ اللَّهَ هُوَ الْغَنِيُّ أَيُّ عَنِ الْعَالَمِينَ

“Iaitu dengan menjadikan dalil-dalil tauhid sehingga orang-orang yang sombong tidak akan mengingkarinya, namun kebanyakan mereka tidak mengetahui, sebab itu mereka tidak melakukan apa-apa sebagai bukti pengakuan mereka kepada Allah tentang apa yang ada di langit dan di bumi, iaitu tiada yang berhak diibadatkan melainkan hanya kepadaNya, sesungguhnya Allah Maha Kaya daripada sekalian alam.”

Pandangan Syeikh Muhammad Jamaluddin bin Muhammad Sa’id al-Qasimi dapat dirumuskan, bahawa dengan menjadikan dalil-dalil tauhid bahawa Allah adalah Tuhan Maha Kuasa yang menjadikan langit dan bumi sehingga orang-orang yang sombong dalam kalangan kaum musyrikin tidak mampu lagi mengingkarinya. Namun, oleh kerana mereka diselaputi dengan sifat-sifat kejahilan dan kebodohan, mereka tidak mampu melakukan apa-apa sebagai bukti pengakuan mereka kepada Allah Maha Kuasa, kepercayaan tauhid mereka kekal dengan

Allah Maha Kuasa, namun mereka menolak kepercayaan tauhid bahawa Allah Maha Esa yang wajib diibadatkan kerana mereka tetap menyembah patung berhala.

Syeikh Sadiq Khan (1412H) dalam kitab tafsirnya *Fath al-Bayan fi Maqasid al-Qur'an* menggunakan istilah tauhid dalam menafsirkan ayat 25 Surah Luqman sebagai berkata:

أي يعترفون بأن الله خالق ذلك لوضوح الأمر فيه عندهم وهذا اعتراف منهم بما يدل على التوحيد وبطلان الشرك وإلزام لهم على إقرارهم

“Iaitu, mereka mengakui bahawa Allah Maha Pencipta kerana perkara ini jelas bagi mereka dan ianya merupakan pengakuan yang menunjukkan elemen tauhid dan membatalkan unsur syirik serta iltizam ke atas ikrar mereka.”

Pandangan Syeikh Sadiq Khan menjelaskan, orang-orang musyrikin percaya dan mengakui bahawa Allah adalah Tuhan Maha Pencipta kerana bukti-bukti kekuasaanNya adalah jelas, mereka mengiktiraf tauhid terhadap Allah sebagai Tuhan Maha Kuasa, secara tidak langsung pengiktirafan mereka ini membatalkan unsur-unsur syirik dan beriltizam dengan pengakuan mereka.

Menurut Mujir al-Din al-'Ulaymi (2009) dalam kitabnya *Fath al-Rahman fi Tafsir al-Qur'an*, beliau menggunakan istilah tauhid yang merujuk konsep kepercayaan orang musyrikin terhadap kekuasaan Allah menjadikan langit dan bumi, beliau menyatakan:

فيه التوحيد ووجوبه عليهم

“Di dalamnya terdapat tauhid dan kewajibannya terhadap mereka.”

Mujir al-Din al-'Ulaymi menjelaskan, bahawa pengakuan orang-orang musyrikin sebagai mentauhidkan Allah dan perkara ini dianggap suatu kewajiban bagi mereka yang membenarkan konsep ketuhanan Allah Maha Kuasa mencipta langit dan bumi, namun kejahilan dan kebodohan menyebabkan mereka tetap menyembah patung berhala.

Terarah kepada pandangan Khatib Syaribini (T.th), beliau menggunakan istilah tauhid sebagai dalil untuk mengiktiraf konsep ketuhanan Allah Yang Maha Kuasa sebagai berkata:

الذي له الإحاطة الشاملة من غير تقييد بخلق الخافقين ولا غيره على ظهور الحجة عليهم بالتوحيد

“Dialah yang mempunyai ilmu yang luas dan cukup sempurna tanpa terkait dengan makhluk atau sesiapa saja, sekalipun terdapat hujah tauhid yang menentang mereka.”

Merujuk kepada ayat 25 Surah Luqman di atas, pandangan Khatib Syaribini (T.th) melihat pengiktirafan kaum musyrikin terhadap Allah sebagai Tuhan Maha Pencipta langit dan bumi setelah melihat hujah-hujah tauhid yang membuktikan kekuasaanNya dan mereka mengetahui bahawa patung berhala yang menjadi sembah mereka tidak mampu berbuat apa-apa. Namun demikian, dengan sebab kejahilan sekalipun mereka menerima hujah tauhid bahawa Allah sebagai Tuhan Maha Kuasa, mereka tetap menolak Allah sebagai Tuhan Maha

Esa yang wajib diibadatkan. Perkara ini tidak sekali-kali menjejaskan Ilmu Allah yang kekuasaanNya sekalipun sedikit.

Manakala Wahbah al-Zuhayri (1422H) juga menggunakan istilah ‘tauhid’ yang merujuk kepada kaum musyrikin yang menerima ketauhidan Allah Yang Maha Kuasa dan kemudian beriman kepada Allah Tuhan Yang Maha Esa, beliau menjelaskan:

وأكثرهم مشرك لا كلهم لأن منهم من بادر إلى توحيد الله تعالى والإقرار بذلك كزيد بن عمرو بن نفيل
وورقة بن نوفل وبعضهم أيضا معدّ أن يسلم

“Hanya sebahagian besar dari kalangan mereka yang musyrik dan tidak semuanya, kerana di antara mereka ada yang bertauhid kepada Allah Ta’ala dan mengakuinya, seperti Zaid bin Amr bin Nufayl dan Waraqah bin Naufal, dalam kalangan mereka ada yang bersedia masuk Islam.”

Memahami pandangan Wahbah al-Zuhayri ini, beliau menjelaskan konsep tauhid di atas sebagai merujuk sikap dalam kalangan kaum musyrikin yang bertauhid kepada Allah sebagai Tuhan Maha Kuasa yang mencipta langit dan bumi, tetapi mereka tidak beriman kepada Allah. Namun, sebahagian dari kalangan mereka bertauhid kepada Allah sebagai Tuhan Maha Kuasa dan bertauhid kepada Allah sebagai Tuhan Maha Esa, di antara mereka yang terus kekal beriman kepada Allah ialah Zaid bin Amr bin Nufayl dan Waraqah bin Naufal.

Daripada apa yang dijelaskan oleh tokoh-tokoh mufassir dan ilmuan Islam ini dapat dirumuskan, bahawa kalangan mufassirin, seperti Syeikh Muhammad Mutawalli al-Sya’rawi (T.th), As’ad Mahmud Haumid (2009), Muhammad Ali al-Sobuni (1997) Ibn ‘Ajibah (1419H), Syeikh Tantawi (1992), Ahmad Mustafa al-Maraghi (1946) dan Ibn ‘Adl al-Hanbali (1998) menjelaskan, bahawa ayat ini terkait orang-orang musyrikin Mekah dan mereka mengakui bahawa Allah mencipta langit dan bumi, tetapi mereka tetap tidak beriman kerana tidak mempunyai pengetahuan.

Terarah kepada pandangan Ibn ‘Athiyyah (1422H), beliau menggunakan terma *Ilah* (إله) dan tidak menggunakan terma *Rabb* (رب) kerana terma *Ilah* (إله) merujuk konsep *Uluhiyyah* (الوحيّة) yang bererti ketuhanan Allah Maha Esa yang wajib diibadatkan dan manakala terma *Rabb* (رب) pula merujuk kepada konsep *Rububiyyah* (ربوبية) bererti ketuhanan Allah Maha Kuasa. Justeru, orang-orang musyrikin Mekah hanya percaya kepada ketuhanan Allah Maha Kuasa iaitu Tauhid *Rububiyyah* dan tidak percaya kepada ketuhanan Allah Maha Esa, iaitu Tauhid *Uluhiyyah*. Pandangan ini diperkuatkan lagi dengan kenyataan tokoh-tokoh mu’jam dan pakar-pakar bahasa seperti Fayruz Abadi (2005), Ibn Faris (1979) Abu Nasr Isma’il bin Hammad al-Jauhari (1987) dan Sa’di Abu Jayb (1988) yang menjelaskan maksud *Ilah* (إله) sebagai *ma’luh* atau *ma’bud* yang merujuk kepada konsep ketuhanan Allah Maha Esa. Manakala terma *Rabb* (رب) pula, Ibn Qutaybah al-Daynuri (1978), Abu al-Qasim al-Asfahani (1412H), Ibn Faris (1979) dan Ibn Manzur (T.th) menjelaskan maksud *Rabb* (رب) sebagai ketuhanan Allah Maha Kuasa. Ibn Jarir al-Tabari (1988) dan Syeikh Muhammad Rasyid Redha (1947) seringkali menyentuh *Tauhid Rububiyyah* dan *Uluhiyyah* dalam huraian penulisannya.

Manakala Abu al-Hasan Maqatil bin Sulayman (2003), al-Syaukani (1414H), Syeikh Muhammad Jamaluddin bin Muhammad Sa’id al-Qasimi (1418H), Syeikh Sadiq Khan (1412H), Mujir al-Din al-‘Ulaymi (2009), Khatib Syaribini (T.th) dan Wahbah al-Zuhayri

(1422H) telah menggunakan istilah ‘tauhid’ merujuk kepada pengiktirafan orang-orang musyrikin terhadap kekuasaan Allah Maha Kuasa mencipta langit dan bumi. Istilah ‘tauhid’ ini menjelaskan bahawa orang-orang musyrikin memang bertauhid kepada Tauhid *Rububiyyah*, iaitu percaya kepada Allah sebagai Tuhan Yang Maha Kuasa, tetapi mereka tidak bertauhid kepada Tauhid *Uluhiyyah* sebagai Tuhan Yang Maha Esa. Namun, sebahagian dari kalangan mereka tetap bertauhid kepada Allah sebagai Tuhan Maha Kuasa dan Tuhan Maha Esa, iaitu Zaid bin Amr bin Nufayl dan Waraqah bin Naufal.

PENJELASAN ABU MANSUR AL-MATURIDI MENGENAI AYAT 25 SURAH LUQMAN

Dalam kitab tafsirnya *Takwilat Ahl al-Sunnah*, Abu Mansur al-Maturidi menafsirkan ayat ayat 25 Surah Luqman sebagai berkata:

ثم يخرج قوله قُلِ الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ أَثَرِ إِقْرَارِهِمْ لَهُ بالتوحيد له والتفرد بالخلق على وجهين أحدهما أمر رسوله بالحمد له لما لا يحتاج إلى إقامة الحجة على وحدانية الله وربوبيته سوى إقرارهم إذ قد أقروا له بالوحدانية فيما ذكر فعلى ذلك يلزمهم ذلك في كل شيء دق أو جل فيقع الأمر بالحمد على ذلك أو يأمر رسوله بالحمد له لما أنجاه وخلصه وسلمه عما ابتلوا هم وفتنوا من التكذيب وعبادة الأصنام بعد إقرارهم بالوحدانية له والألوهية فحمده على إفضاله عليه ورحمته وعصمته له بين أولئك الكفرة

“Kemudian firmanNya: Ucaplah alhamdulillah yang muncul kerana pengakuan mereka terhadap Allah dengan bertauhid kepadaNya dan mengesakan setiap makhluk, terdapat dua keadaan, pertama: Dia memerintahkan Rasul untuk memujiNya, apabila tiada keperluan untuk membina hujah mengenai keesaan Allah dan RububiyyahNya selain pengakuan mereka sendiri, kerana mereka mengakui keesaan Allah dengan apa yang disebut dan mereka perlu beriltizam dalam segala perkara, sama ada kecil apatah lagi besar, syukur ke atas yang demikian itu, kedua: Atau Dia memerintahkan Rasul untuk memujiNya, ketika Dia melepaskan mereka daripada penderitaan, fitnah, pendustaan dan penyembahan berhala setelah mereka mengakui keesaan Allah dan UluhiyyahNya, maka segala pujian ke atas segala nikmat, rahmat dan kesempurnaanNya berbanding dengan orang-orang kafir.”

Daripada apa yang dinyatakan oleh al-Maturidi mengenai ayat 25 Surah Luqman ini dapat dijelaskan, bahawa beliau telah mengemukakan istilah Tauhid, *Wahdaniyyah*, *Rububiyyah* dan *Uluhiyyah* sebagai konsep ketuhanan yang merangkumi Maha Esa Allah dan Maha Kuasa Allah. Beliau cuba mengupas persoalan sikap dalam kalangan kaum *musyrikin* yang mengiktiraf konsep ketuhanan Allah Yang Maha Kuasa, mereka yakin dan percaya tanpa ragu-ragu bahawa Allah yang mencipta langit dan bumi. Secara tidak langsung, mereka menolak dan menafikan patung berhala yang mereka sembah sebagai Tuhan bukan pencipta langit dan bumi, perkara ini dapat dijelaskan sebagaimana berikut:

Konsep Tafsiran al-Maturidi

Sebagaimana tokoh-tokoh *mufasssirin* yang lain, pandangan al-Maturidi adalah senada dengan mereka yang mengupas persoalan sikap dalam kalangan orang-orang musyrikin Mekah yang menerima konsep ketuhanan Allah sebagai Maha Pencipta langit dan bumi. Soalan yang diajukan kepada mereka adalah untuk melihat sikap dan reaksi mereka terhadap kuasa yang bertanggungjawab mencipta langit dan bumi. Dilihat dari sudut kepercayaan mereka yang menyembah patung berhala, sudah tentu mereka menolak dan tidak sekali-kali menerima konsep ketuhanan Allah dalam kehidupan mereka. Namun, tanpa diduga mereka mengiktiraf dan mengakui bahawa Allah Ta'ala yang mencipta langit dan bumi, mereka percaya dengan penuh keyakinan bahawa sememangnya Allah yang mencipta langit dan bumi, dan bukan kuasa lain yang mencipta. Sebenarnya, al-Qur'an telah memberi bayangan awal mengenai sikap mereka, bahawa mereka akan memberi jawapan yang positif terhadap kuasa yang mencipta langit dan bumi, iaitu Allah. Dengan demikian, al-Maturidi melihat perkara ini sebagai realiti, kerana mereka yang memusuhi Islam dan menyembah patung berhala dapat menerima konsep ketuhanan Allah Yang Maha Pencipta. Justeru, sudah tentu dalam pemikiran mereka ada maklumat mengenai Allah, kerana tanpa maklumat mereka tidak akan menjawab bahawa Allah yang mencipta langit dan bumi.

Perspektif Pemikiran Tauhid al-Maturidi

Istilah tauhid yang dikemukakan oleh al-Mawardi ini adalah merujuk kepada sikap orang-orang musyrikin yang menerima konsep ketuhanan Allah Yang Maha Kuasa, kerana mereka mengakui dan mengiktiraf bahawa Allah yang mencipta langit dan bumi. Hujah-hujah yang dikemukakan menyebabkan mereka menerima ketauhidan Allah yang terarah kepada Maha Kuasa Allah. Bererti, orang-orang musyrikin menerima tauhid terhadap Allah yang melihat dari sudut kekuasaan Allah yang mencipta langit dan bumi. Al-Maturidi menggunakan istilah *Wahdaniyyah wa Rububiyyah* (وحدانية الله وربوبيته) yang merujuk kepada konsep mengesakan Allah dari sudut *Tauhid Rububiyyah* yang terarah kepada Maha Kuasa secara mutlak tanpa elemen syirik atau perkongsian kuasa. Namun demikian, kaum musyrikin tidak dapat menerima Allah sebagai Tuhan Yang Maha Esa yang dijelaskan oleh al-Maturidi sebagai *Wahdaniyyah wa Uluhiyyah* (وحدانية له والالهية) yang merujuk kepada konsep mengesakan Allah dari sudut *Tauhid Uluhiyyah* secara mutlak tanpa elemen syirik atau penyekutuan. Dengan demikian, al-Maturidi bersetuju bahawa orang-orang musyrikin bertauhid dengan *Tauhid Rububiyyah*, tetapi mereka menolak *Tauhid Uluhiyyah*.

Istilah Rububiyyah dan Uluhiyyah

Penjelasan mengenai istilah *Rububiyyah* dan *Uluhiyyah* oleh al-Maturidi banyak tertuang dalam kitab *Takwilat Ahl al-Sunnah* dan kitab *al-Tauhid*. Beliau di antara tokoh-tokoh awal dalam kalangan Ahl al-Sunnah yang memperkatakan istilah ini. Kedua-dua istilah ini mempunyai maksud yang sama, tetapi penggunaannya dalam sesuatu ayat adalah berlainan. Istilah *Rububiyyah* merujuk kepada konsep ketuhanan Allah Maha Kuasa dan manakala istilah

Uluhiyyah pula merujuk kepada ketuhanan Allah Maha Esa. Penjelasan kedua-dua istilah ini dapat dinyatakan sebagaimana berikut:

Pertama: Tauhid al-Rububiyah

Ketika membahaskan ayat pertama dalam Surah al-Fatihah pada terma (رب العالمين) al-Maturidi menjelaskan sebagai berkata:

أنه نسب الربوبية إليه في جميع العالم وقطعها عن غير

“Bahawa dikaitkan al-Rububiyah kepada Allah yang menguasai sekalian alam dan menetapkan dari segala yang lain.” (al-Maturidi: 2005).

Kenyataan al-Maturidi ini sebagai jelas, kerana ayat ini memperkatakan tentang konsep ketuhanan Allah dari sudut menguasai sekalian alam. Beliau menjelaskan maksud perkataan *al-Rabb* (الرب) dalam ayat tersebut sebagaimana berikut:

الرب الى الربوبية لا الى السؤدد إذ يستقيم القول برب كل شيء من بني آدم وغيره نحو رب السماوات والأرضين ورب العرش ونحوه وغير مستقيم القول بسيد السماوات ونحوه وقد يتوجه اسم الرب إلى المالك

“Perkataan al-Rabb terkait dengan al-Rububiyah, bukan kepada penguasaan, ketika menetapkan perkataan bahawa Tuhan segala sesuatu dari anak Adam dan perkara-perkara lain, seperti Tuhan langit dan bumi, Tuhan ‘Arasy dan seumpamanya, tidak betul mengatakan sayyid (tuan) langit dan seumpamanya, terkadang nama al-Rabb bermaksud al-Malik.” (al-Maturidi: 2005).

Ertinya, konsep Rububiyah Allah menurut al-Maturidi adalah terkait dengan kekuasaan Allah yang mencipta langit dan bumi serta ‘Arasy yang melambangkan keanggunanNya ke atas sekalian makhluk. Pandangan adalah seiring dengan tokoh-tokoh ulama dan para ilmuwan lain yang menjelaskan bahawa konsep *Rububiyah* adalah merujuk kepada kepercayaan dan keimanan kepada ketuhanan Allah dari sudut Maha Kuasa Allah yang tiada ada penyekutuan bagiNya.

Pandangan al-Maturidi diterima baik oleh Ibn Kathir (1988) ketika menafsirkan ayat 61 Surah al-Ankabut beliau menjelaskan:

وكثيرا ما يقرر تعالى مقام الإلهية بالاعتراف بتوحيد الربوبية وقد كان المشركون يعترفون بذلك

“Tuhan Yang Maha Kuasa seringkali menegaskan status ketuhanan dengan mengakui tauhid al-Rububiyah dan kaum musyrik mengakui hal ini.”

Ibn Kathir menggunakan istilah (بالاعتراف بتوحيد الربوبية) bahawa orang-orang musyrikin telah mengiktiraf konsep *Tauhid Rububiyyah* dan pandangan Ibn Kathir ini secara tidak langsung memperkuat lagi pandangan al-Maturidi. Manakala al-Sa'di (2002) pula memberi tafsiran yang senada ketika menafsirkan ayat 61 Surah al-Ankabut ini sebagai berkata:

هذا استدلال على المشركين المكذبين بتوحيد الإلهية والعبادة وإلزام لهم بما أثبتوه من توحيد الربوبية

“Ini adalah bukti terhadap kaum musyrik yang mengingkari Tauhid Ilahiyyah dan ibadat, justeru kewajiban kepada mereka atas apa yang telah mereka buktikan tentang Tauhid al-Rububiyyah.”

Menjelaskan huraian ini dan hubungan dengan ayat 25 Surah Luqman, bahawa konsep pemikiran *Tauhid al-Rububiyyah* menurut al-Maturidi adalah merujuk kepada konsep ketuhanan Allah Maha Kuasa di mana beliau bersetuju menggunakan pendekatan bahawa orang-orang musyrikin Mekah bertauhid dengan *Tauhid al-Rububiyyah*, namun mereka tetap kufur kepada Allah kerana tidak mengabdikan diri kepada Allah.

Kedua: Tauhid al-Uluhiyyah

Menjelaskan *Tauhid al-Uluhiyyah*, al-Maturidi (2009) dalam kitab *Syarh al-Fiqh al-Akbar* pernah menyatakan tentang konsep iman sebagai terkait dengan *Tauhid Uluhiyyah*, beliau menjelaskan:

الإيمان معرفة الله تعالى بالألوهية

“Iman merupakan makrifatullah dengan Uluhiyyah.” (al-Maturidi: 2009).

Beliau menjelaskan, bahawa beriman kepada Allah adalah terikat dengan konsep *Uluhiyyah*, iaitu elemen tauhid yang menekankan keesaan Allah yang diabdikan atau yang diibadatkan. Istilah *Uluhiyyah* adalah merujuk kepada konsep ketuhanan Allah Maha Esa, iaitu merujuk kepada Allah itu sendiri atau ZatNya yang tidak ada syirik bagiNya. Beliau pernah menjelaskan makna tauhid sebagai berkata:

والتوحيد أي نفى الشرك في الألوهية والربوبية والخالقية والأزلية والقديمة والقيومية والصدقية

“Tauhid ialah menafikan syirik pada Uluhiyyah, Rububiyyah, Khaliqiyyah, Azaliyyah, Qadimiyyah, Qayyumiyyah dan Samadiyyah.” (al-Maturidi: 2009).

Dalam karyanya berjudul *Kitab al-Tauhid*, al-Maturidi menjelaskan makna *wahdaniyyah* yang terkait dengan *Uluhiyyah* yang merujuk kepada konsep ketuhanan Allah Yang Maha Esa sebagai berkata:

وَإِذَا ثَبِتَ الْقَوْلُ بوحِدَانِيَةِ اللَّهِ تَعَالَى وَالْأُلُوْهِيَّةِ لَهُ لَا عَلَى جِهَةِ وَحِدَانِيَةِ الْعَدَدِ إِذْ كُلُّ وَاحِدٍ فِي الْعَدَدِ لَهُ نَصْفٌ وَأَجْزَاءٌ لَزِمَ الْقَوْلُ بِتَعَالِيهِ عَنِ الْأَشْبَاهِ وَالْأَضْدَادِ إِذْ فِي إِنْثَابِ الضِّدِّ نَفْيَ إِلَهِيَّتِهِ وَفِي التَّشَابِهِ نَفْيَ وَحِدَانِيَّتِهِ إِذْ الْخَلْقُ كُلُّهُمْ تَحْتَ إِسْمِ الْأَشْكَالِ وَالْأَضْدَادِ وَهُمَا عِلْمَا احْتِمَالِ الْفَنَاءِ وَالْعَدَمِ وَنَفْيَ التَّوْحِيدِ عَنِ الْخَلْقِ

“Jika terbukti perkataan tentang keesaan Allah Ta’ala dan UluhiyyahNya, maka maksud keesaan itu tidak boleh difahami dari sudut bilangan, kerana setiap angka satu dalam bilangan mempunyai setengah dan berjuzuk-juzuk yang perlu dinafikan daripada unsur tasybih dan opposition, kerana apabila mengisbatkan opposition bererti menafikan IlahiyyahNya, manakala tasybih pula bermaksud menafikan keesaanNya, kerana semua ciptaan adalah berbentuk dan opposition, kedua-duanya merupakan pengetahuan yang merujuk kepada andaian kemusnahan, ketiadaan dan menafikan tauhid daripada makhluk.” (al-Maturidi: 2006).

Menjelaskan kenyataan ini, corak pemikiran tauhid al-Maturidi adalah senada dengan corak pemikiran Abu Hanifah, beliau menolak terma *Ahad* (احد) diterjemah dengan makna ‘satu’ kerana perkataan ‘satu’ adalah ‘*Adad* (عدد) yang merujuk kepada angka atau bilangan. Menurut Ali al-Qari (1984), beliau menukil pandangan Abu Hanifah dalam *al-Fiqh al-Akbar* yang mengatakan bahawa Allah itu *Ahad* (احد) tidak boleh dilihat dari perspektif jumlah ‘*Adad* (عدد) tetapi dilihat dari perspektif tidak ada menyekutukan bagiNya (نفى الشرك). Justeru, corak pemikiran tauhid al-Maturidi ini bertujuan untuk menafikan unsur-unsur *tasybih* dan kesamaran dalam memahami konsep *Uluhiyyah*.

Perlu dinyatakan, bahawa komparatif di antara ayat 25 Surah Luqman dengan ayat-ayat terdapat dalam Surah al-Ikhlâs, kedua-duanya terkait dengan orang sama, iaitu orang-orang kafir musyrikin. Ayat 25 Surah Luqman menjelaskan tentang persoalan yang diajukan kepada kaum musyrikin tentang kuasa yang mencipta langit dan bumi, mereka mengakui bahawa Allah sebagai pencipta kedua-duanya. Manakala ayat-ayat dalam Surah al-Ikhlâs menjelaskan pertanyaan dalam kalangan kaum musyrikin tentang Allah. Menurut al-Maturidi (2005), *asbabul nuzul* Surah al-Ikhlâs adalah terkait dengan persoalan dalam kalangan penduduk Mekah mengenai nasab dan keturunan Allah Ta’ala, lalu surah ini diturunkan sebagai menjawab pertanyaan mereka. Menurut Syeikh Muhammad bin Abu Bakar al-Usfuri (2012), beliau menukil riwayat daripada Ubay bin Ka’ab bahawa orang-orang kafir Mekah yang terdiri dalam kalangan Amir bin Thufayl, Zaid bin Qays dan lain-lain berkumpul bertanya kepada Rasulullah s.a.w. agar menjelaskan nasab Allah dan persoalan ini menyebabkan Allah menurunkan surah ini.

Hubungan di antara ayat 25 Surah Luqman dengan ayat-ayat dalam Surah al-Ikhlâs adalah terkait dengan persoalan kepercayaan, iaitu tauhid. Ayat 25 Surah Luqman menjelaskan pengiktirafan kaum musyrikin terhadap ketuhanan Allah dari sudut Maha Kuasa Allah, bererti mereka menerima *Tauhid Rububiyyah* yang dilihat dari sudut kekuasaan Allah. Manakala ayat-ayat dalam Surah al-Ikhlâs pula menjelaskan penafian kaum musyrikin terhadap konsep ketuhanan Allah dari sudut Maha Esa Allah, iaitu Allah itu sendiri. Bererti mereka menafikan *Tauhid Uluhiyyah* dan menolak Allah, bahawa Dia bukan Tuhan yang diabdikan atau diibadatkan.

Dengan demikian, komparatif dan hubungan ayat 25 Surah Luqman dengan ayat-ayat dalam Surah al-Ikhlâs dapat disimpulkan, bahawa sekalipun kaum musyrikin bertauhid dengan *Tauhid Rububiyyah* dan menafikan *Tauhid Uluhiyyah*, mereka tetap dihukum sebagai kufur dan tidak beriman kepada Allah. Al-Maturidi membuat kesimpulan mengenai ayat-ayat dalam Surah al-Ikhlâs sebagai berkata:

سميت هذه السورة سورة الإخلاص لأنها في إخلاص التوحيد لله ونفي الأشباه والشركاء في الألوهية والربوبية

“Surah ini dinamakan Surah al-Ikhlâs kerana keikhlasan tauhid semata-mata kerana Allah, menafikan persamaan dan syirik pada al-Uluhiyyah dan al-Rububiyyah.” (al-Maturidi: 2005).

Al-Maturidi menggunakan istilah *Uluhiyyah* dan *Rububiyyah* ketika menafsirkan ayat-ayat dalam surah ini adalah untuk menafikan unsur-unsur persamaan dan syirik pada kedua-dua istilah tersebut. Penggunaan istilah *Uluhiyyah* adalah merujuk kepada konsep *Ahad* (أحد) dalam ayat tersebut yang menunjukkan keahadan Allah atau Maha Esa Allah dan manakala istilah *Rububiyyah* pula adalah merujuk kepada *al-Samad* (السمد) sebagai Maha Kuasa yang menjadi tempat pergantungan sekalian makhluk.

Menjelaskan perbahasan ini dan hubungan dengan ayat 25 Surah Luqman, bahawa konsep pemikiran *Tauhid al-Uluhiyyah* menurut al-Maturidi adalah merujuk kepada konsep ketuhanan Allah Maha Esa yang diabdikan atau yang diibadatkan. Beliau bersetuju, bahawa orang-orang musyrikin Mekah hanya bertauhid dengan *Tauhid al-Rububiyyah*, tetapi tidak bertauhid dengan *Tauhid al-Uluhiyyah*. Dengan demikian, mereka tetap kufur kepada Allah kerana tidak mengabdikan diri kepadaNya.

KESIMPULAN

Daripada apa yang dijelaskan ini dapat dirumuskan, bahawa al-Maturidi bersetuju bahawa orang-orang musyrikin Mekah bertauhid dengan *Tauhid Rububiyyah*, kerana mereka mengiktiraf konsep ketuhanan Allah dari sudut Allah Maha Kuasa yang mencipta langit dan bumi. Pemakaian istilah *Uluhiyyah* dan *Rububiyyah* adalah untuk membezakan konsep ketuhanan Allah Maha Esa dan konsep ketuhanan Allah Maha Kuasa. Namun, sekalipun orang-orang musyrikin menerima konsep *Tauhid Rububiyyah*, tetapi mereka tetap kufur dan tidak beriman kepada Allah, kerana mereka menolak Allah sebagai Tuhan Maha Esa.

RUJUKAN

- Abu al-Khayr Muhammad Ayyub Ali. (1995). *Maturidism* dalam M.M. Syarif (ed.). A. History of Muslim Philosophy. Vol. I. New Delhi: Low Price. Publications. Amin, Ahmad.
- Abu Jayb, Sa'di. (1988). *al-Qamus al-Fiqhi Lughatan wa Istilahan*. Beyrut: Dar al-Fikr.
- Abu Zuhrah. (T.th). *Tarikh al-Madhahib al-Islamiyyah fi al-Siyasah wa al-'Aqa'id*. Beyrut: Dar al-Fikr.

- Aditya Andria. (2012). *Pemikiran Kalam Abu Mansur Al-Maturidi Tentang Syafaat Rasul*. Tesis Sarjana Program S1 Jurusan Akidah Filsafat Jurusan Akidah Filsafat, Fakultas Ushuluddin Uin Sultan Syarif Kasim Riau.
- Aisyah Dollah @ Abdullah, Mohd Yakub @ Zulkifli bin Haji Mohd Yusoff, Ahmed Kasar, Nailah Abas dan Husniyah Salaeh. (2015). *Trends of Study on Ta'wilat Ahl al-Sunnah by Abu Mansur al-Maturidi: 1970-2004*. International Conference on Multidisciplinary Trends in Academic Research (GTAR- 2015). Full Paper Proceeding Vol-1,104-109.
- Aisyah Dollah @ Abdullah, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff dan Nurul Zakirah Mat Sin. (2016). *Terminologi Takwil Menurut al-Maturidi dan al-Tabari*. Jurnal Usuluddin 44 (Julai – Disember 2016).
- Al-Bayadi, Kamal al-Din Ahmad al-Bayadi. (1949). *Isyarat al-Maram min Ibarat al-Imam*. (Ed), Yusuf Abd al-Razzaq. Qahirah: Mustafa al-Babi al-Halabi wa Auladuh.
- al-Daynuri, Abu Muhammad Abdullah bin Muslim bin Qutaybah. (1978). *Tafsir Gharib al-Qur'an*. Beyrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2007). *Definisi Ahl al-Sunnah wa al-Jama'Ah: Satu Analisis*. Jurnal Usuluddin, Bil 25 (2007).
- Fathul Mufid. (2013). *Menimbang Pokok-pokok Pemikiran Teologi Imam Al-Asy'ari dan Al-Maturidi*. Fikrah, 1(2 Juli 2013).
- Fayruz Abadi, Abu Tahir Muhammad bin Ya'qub. (2005). *al-Qamus al-Muhith*. Beyrut: Mu'assasah al-Risalah.
- Grunebaum, Gustave Edmund Von . (1970). *Classical Islam: A History 600-1258*. Terj: Katherine Watson. London: George Allen & Unwin Ltd.
- al-,Hanafi, Abd al-Qadir bin Muhammad bin Muhammad bin Nasr Allah bin Salam bin Abu al-Wafa. (1993). *Al-Jawahir al-Mudhi'ah fi Thabaqat al-Hanafiyyah*, Giza, Qahirah: Dar Ihya al-Kutub al-Arabiyyah.
- al-Hanafi, Abdul Qadir bin Muhammad bin Muhammad bin Nasrullah al-Qurasyi. (2008). *al-Jawahir al-Mudhiyah fi Tabaqat al-Hanafiyyah*. Dar Hijr.
- Haumid, As'ad Mahmud. (2009). *Aysar al-Tafasir*. Dimasyq.
- Ibn 'Adil al-Hanbali, Abu Hafs Sirajuddin Umar bin Ali. (1998). *Tafsir al-Lubab li Ibn 'Adil*. Beyrut: Dar al-Kitab al-ilmiyyah.
- Ibn 'Ajibah (2005). *al-Bahr al-Madid fi Rafsir al-Qur'an al-Majid*. Tahqiq: Omar Ahmad al-Rawi. Beyrut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn 'Athiyyah, Abu Muhammad Abd al-Haq bin Ghalib bin Abdul Rahman bin Tamam, (1422H). *al-Muharrar al-Wajiz fi Tafsir al-Kitab al-'Aziz*. Beyrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Kathir, Abu Fida Ismail. (1988). *Tafsir al-Qur'an al-Azhim*. Qahirah: Dar al-Hadith.
- Ibn Manzur. (T.th). *Lisan al-'Arab*. Qahirah: Dar al-Fikr.
- Ibn Qutlubugha. (1962). *Taj al-Tarajum fi Tabaqat al-Hanafiyyah*. Baghdad.
- al-Jauhari, Abu Nasr Isma'il bin Hammad. (1987). *al-Sihah Taj al-Lughah*. Beyrut: Dar al-'Ilm li al-Malayin.
- Maqatil bin Sulayman, Abu al-Hasan (2003) *Tafsir Maqatil bin Sulayman*. Beyrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Maraghi, Ahmad bin Mustafa. (1946). *Tafsir al-Maraghi*. Qahirah: Mustafa al-Babi al-Halabi.

- Al-Maturidi, Abu Mansur Muhammad bin Muhammad bin Muhammad al-Hanafi al-Samarqandi. (2005). *Ta'wilat Ahl al-Sunnah*. Tahqiq: Dr. Mujdi Basallum. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Maturidi, Abu Mansur Muhammad bin Muhammad bin Muhammad al-Hanafi al-Samarqandi. (2006). *Kitab al-Tauhid*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Maturidi, Abu Mansur Muhammad bin Muhammad bin Muhammad al-Hanafi al-Samarqandi. (T.th). *Syarh al-Fiqh al-Akbar*. Qatar: Tubi'a 'Ala Nafaqat al-Shu'un al-Diniyyah.
- al-Nasafi, Abu al-Barakat (1998). *Mubarak al-Tanzil wa Haqa'iq al-Takwil*. Dar al-Kalam al-Tayyib.
- Nasution, Harun. (1986). *Teologi Islam: Aliran-aliran Sejarah Analisis Perbandingan*. Cet. V. Jakarta: Universitas Indonesia Press.
- Nayla Masyruah. (2018). *Epistemologi Tafsir Abu Mansur Al-Maturidi Dalam Kitab Ta'wilat Ahl al-Sunnah*. Tesis Sarjana Agama, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- al-Qari, Ali. (1984). *Syarh al-Fiqh al-Akbar*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Qasimi, Muhammad Jamaluddin bin Muhammad Sa'id. (1418H). *Mahasin al-Takwil*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Razi, Abu al-Husayn Ahmad bin Faris. (1979). *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Razi, Fakhruddin. (1420H). *Mafatih al-Ghayb*. Beirut: Dar al-Ihya al-Turath al-'Arabi.
- Redha, Sayyid Muhammad Rasyid. (1947). *Tafsir al-Manar*. Qahirah: Dar al-Manar.
- Al-Sa'di, Abdul Rahman bin Nasir. (2002). *Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan*. Saudi: Dar al-Salam li al-Nasyr wa al-Tauzi'.
- Al-Sabuni, Muhammad Ali. (1992). *Safwah al-Tafasir*. Qahirah: Dar al-Hadith.
- Sadiq Khan, Abu al-Tayyib Muhammad Sadiq Khan bin Hasan. (1412H). *Fath al-Bayan fi Maqasid al-Qur'an*. al-Maktabat al-Isriyyat li al-Taba'at wa al-Nasyr.
- Al-Sya'rawi, Muhammad Mutawalli. (T.th). *Tafsir al-Sya'rawi*. Qahirah: Akhbar al-Yaum.
- Syaribini, Muhammad bin Ahmad Khatib. (T.th). *Tafsir al-Siraj al-Munir*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Syaukani, Muhammad bin Ali bin uhammad bin Abdullah. (1414H). *Fath al-Qadir*. Beirut: Dar Ibn Kathir
- Al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad bin Jarir. (1988). *Tafsir al-Tabari Jami' al-Bayan 'An Takwil Ayi al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Tantawi, Muhammad Sayyid. (1992). *al-Tafsir al-Wasith li al-Qur'an al-Karim*. Qahirah: Dar al-Ma'arif.
- Al-Tha'labi, Abu Ishaq Ahmad bin Muhammad bin Ibrahim. (2002). *al-Kasyf wa al-Bayan 'An Tafsir al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Ihya al-Turath al-'Arabi.
- Udi Mufrodi Mawardi. (2007). *Pemikiran Teologi Al Maturidi*. Jurnal Al-Fath, Vol 1, No 1 Juni (2007).
- al-'Ulaymi, Mujir al-Din (2009). *Fath al-Rahman fi Tafsir al-Qur'an*. Dar al-Nawadir Isdarat Wizarat al-Auqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyat.
- Usfuri, Abu Bakar. (2012). *al-Mawau'iz al-Usfuriyah*. Beirut: Dar al-Kutub.

- Watt, William Montgomery. (1977). *The Formative Period of Islamic Thought*. Univ. Press Edinburgh,
- Al-Zabidi, al-Sayyid al-Murtada. (1989). *Ittihaf al-Sadat al-Muttaqin bi-Syarh Asrar Ihya' `Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Kutub al-ilmiyyah.
- al-Zuhayli, Wahbah. (1422H). *al-Tafsir al-Wasith*. Beirut: Dar al-Fikr.